

# Satu Panggilan Doa Untuk Gereja Dan Negara Kita Malaysia

Diterbitkan oleh

**Pray4Malaysia**

## PENGENALAN

*Sebagai orang Kristen dan umat Tuhan di Malaysia,*

- Kita dipanggil untuk berdoa untuk negara tercinta kita agar visi Habakuk, "Sebab bumi akan penuh dengan pengetahuan tentang kemuliaan TUHAN, seperti air yang menutupi dasar laut" (Habakuk 2:14), di genapi di negara kita.

*Sebagai orang Kristen dan umat Tuhan di Malaysia,*

- Kita percaya bahawa mesej Tuhan kepada umat-Nya melalui Yeremia, "Usahakanlah kesejahteraan kota ke mana kamu Aku buang dan berdoakanlah untuk kota itu kepada TUHAN, sebab kesejahteraannya adalah kesejahteraanmu" (Yeremia 29:7), merupakan mesej untuk kita juga pada hari ini.

## I. JEMAAT TUHAN – KUDUS, DIBANGKITKAN DAN BERTENAGA

### 1. Merendahkan Diri Untuk Mencari Tuhan Di Dalam Doa

Di dalam Kisah Para Rasul 1 kita membaca bagaimana satu sepuluh-hari persekutuan doa mendahului terjadinya perlepasan Roh Kudus semasa Pentakosta. Dalam hal yang sama, doa yang bersungguh-sungguh dan yang berterusan menyebabkan kebangkitan rohani yang dahsyat yang memberi kesan yang lama dan yang mengubah dunia. Ini termasuk Moravian Revival(1727), the Great Awakening di Amerika Syarikat (abad yang ke-18), the Welsh Revival (1904), the Azusa Street Revival (1906) and the Korean Revival (1907).

Yang lebih dekat dengan kita adalah beberapa ombak kebangkitan rohani yang dialami oleh SIB selalunya terjadi dan dikekalkan dengan doa yang berterusan dan dengan kehidupan yang kudus. Ini telah menyebabkan SIB menjadi gereja yang paling cepat bertumbuh di dalam negara ini dalam beberapa masa yang lalu, di mana semua suku-suku diubah secara menyeluruh pada masa itu.

- a. Berdoa agar jemaat Tuhan di Malaysia akan mencari wajah Tuhan bersama-sama dengan sungguh-sungguh dan dengan tabah agar Dia membuka syurga dan menyatakan kemuliaan-Nya serta mencurahkan kuasa-Nya ke atas negara kita. Marilah kita mengisytiharkan janji-Nya bahawa "umat-Ku yang atasnya nama-Ku disebut, merendahkan diri, berdoa dan mencari wajah-Ku, lalu berbalik dari jalan-jalannya yang jahat, maka Aku akan mendengar dari sorga dan mengampuni dosa mereka, serta memulihkan negeri mereka" (2 Tawarikh 7:14).

## **2. Menekankan Kekudusan dan Kebenaran di dalam Jemaat Tuhan**

Gereja di Malaysia boleh dapat menjadi sebuah komuniti yang bernubuat, mengimpak masyarakat bila kita menghidupi suatu kehidupan Kristen yang sejati dan kehidupan Kristian yang bergairah. Dengan demikian gereja dapat bertindak dan bersuara jika adanya kredibiliti dan autoriti moral, dan boleh diambil secara serius oleh dunia.

- a. Berdoa agar pastor-pastor, para pemimpin gereja dan jemaat gereja akan berusaha untuk menghidupi kehidupan yang takut akan Tuhan di rumah, di gereja dan di tempat kerja serta di tempat-tempat awam.
- b. Berdoa agar setiap gereja akan menyediakan pengajaran tentang kehidupan yang kudus secara sistematik dari mimbar, atau kelompok kecil dan pada setiap peringkat pelayanan gereja.

## **3. Memupuk Kesatuan Gereja dan Pelayanan Perdamaian**

Kita hidup dalam satu masyarakat di mana ketegangan dan pembahagian etnik telah menjadi semakin teruk. Tetapi sebagai gereja, Tuhan telah membawa perdamaian dan kesatuan melalui salib (Efesus 2:14ff).

- a. Berdoa agar orang Kristen berusaha untuk menjaga kesatuan Roh serta memastikan adanya kedamaian sesama masyarakat orang Kristen.
- b. Berdoa bahawa bila pemimpin orang Kristen, gereja-gereja setempat dan seluruh denominasi belajar untuk hidup dalam kesatuan, melalui pengampunan dan perdamaian, kita akan memberi contoh tentang kuasa perdamaian etnik di dalam negara kita.

#### 4. Mengajar Orang-Orang Kristen tentang Harga Pemuridan

Kita mesti ada niat secara sedar untuk mengajar kerana Yesus telah mengajar dengan jelasnya bahwa ada harga yang harus di bayar untuk mengikuti Dia sebagai murid-murid yang benar (Lukas 9:23). Salah satu kesan kegagalan kita di sini adalah orang Kristen keluar secara besar-besaran dari negara ini melalui penghijrahan, telah melemahkan gereja di Malaysia dan sumbangan kita kepada pembangunan negara.

- a. Berdoa agar orang Kristen akan faham apa erti sebenarnya pemuridan yang benar dan bersedia mengangkat salib mereka setiap hari dan menderita untuk Kristus.
- b. Berdoa agar ramai golongan profesional orang Kristen dan begitu ramainya pelajar-pelajar universiti yang belajar di luar negara akan pulang dengan satu visi yang jelas untuk membina kedua-dua gereja dan negara.
- c. Berdoa agar ibu bapa Kristen akan mendorong anak-anak mereka untuk kembali atau tetap tinggal di Malaysia untuk melayani Tuhan di sini.

#### 5. Membina Kepimpinan yang Takut Akan Tuhan untuk Gereja Kita

Pada masa ini, ada satu keperluan yang besar untuk adanya pemimpin yang takut akan Tuhan yang memberi gambaran tentang melayani seperti Kristus. Selain itu, seperti Paulus menasihati Timotius, 'Apa yang telah engkau dengar dari padaku ... percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cakap mengajar orang lain' (2 Timotius 2:2), kita mesti ada keinginan memuridkan pemimpin-pemimpin yang muda.

- a. Berdoa untuk para pemimpin gereja, pastor dan orang awam, supaya bertumbuh dengan matang sebagai gembala Kristus yang benar. Berdoa agar mereka lapar akan Firman Tuhan, komitmen yang teguh untuk kebenaran Tuhan dan menghidupinya dan berani mengajar hal yang sama kepada kawanan domba mereka.
- b. Berdoa untuk pemimpin generasi sekarang supaya bertekad untuk meletakkan dasar yang kukuh untuk gereja dan organisasi Kristen di negara kita, untuk menjadi contoh dalam melayani dengan takut akan Tuhan dan rendah hati, dan mengurus rancangan penyerahan tugas secara berperingkat kepada orang yang lebih muda.

#### 6. Memperkasakan Gereja Bumiputera, Terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan kepada Bancian Kerajaan 2001, kaum bumiputera merangkumi kira-kira 65% daripada gereja di Malaysia (tidak termasuk bukan warganegara). Gereja bumiputera kekurangan sumber kewangan dan biasanya mereka lemah kerana kekurangan bahan-bahan mengajar. Mereka juga menjadi sasaran utama beberapa pihak tertentu untuk membawa mereka jauh dari gereja.

Ramai kanak-kanak dan pemuda-pemudi telah meinggalkan iman dan kekristenan mereka.

- a. Berdoa untuk adanya Alkitab dan bahan pemuridan dalam bahasa Malaysia.
- b. Berdoa untuk jaringan kerjasama pelayanan dan penginjilan yang berkesan di antara gereja-gereja di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak.
- c. Berdoa untuk adanya gereja-gereja yang kuat di kalangan masyarakat Bumiputera di negara kita, dan kebangkitan pemimpin-pemimpin yang berani dan takut akan Tuhan di kalangan mereka.

## **II. EKONOMI – KUAT DAN BERTUMBUH DENGAN ADANYA PEMBAHAGIAN SECARA ADIL DAN SAKSAMA DI KALANGAN SEMUA ORANG**

### **7. Menjadi “Garam dan Terang” di dalam Negara Kita**

Gereja tidak boleh berdiam diri, neutral atau tidak tergerak oleh isu-isu penting yang dihadapi oleh pembangunan ekonomi negara kita, terutamanya jika kita perlu memenuhi panggilan kita untuk 'menjaga kesejahteraan' (Yeremia 29:7) negara ini.

- a. Berdoa agar Tuhan terus memberkati negara kita dengan pembangunan ekonomi yang kukuh dan stabil supaya semua rakyat akan diberkati. Berdoa supaya kekayaan negara ini dapat di kongsi dengan adil dan saksama untuk semua kaum.
- b. Berdoa menentang masalah kembar tentang polisi yang digubal secara tidak baik dan rasuah yang berterusan di mana kedua-duanya ini akan memberi kesan yang negatif terhadap pertumbuhan ekonomi.
- c. Berdoa supaya komuniti yang lebih kecil dan lemah secara ekonomi tidak akan dipinggirkan. Secara khususnya, berdoa untuk hak dan sumber kehidupan orang asal Sabah dan Sarawak serta Orang Asli di Semenanjung Malaysia akan disahkan secara perundangan dan dipelihara, terutamanya dalam hak tanah mereka.
- d. Berdoa untuk gereja supaya boleh menjadi pemimpin dalam perbuatan, kasih dan berbelas kasihan kepada orang yang miskin, termasuk orang-orang pelarian dan pekerja-pekarja asing, tidak kira bangsa dan agama.

### III. POLITIK DAN KERAJAAN: STABIL, BERSIH, DEMOKRATIK DAN ADIL

#### 8. Mempertahankan Kedaulatan Perlembagaan Persekutuan Dan Kebebasan Asas Manusia

Pertahanan kedaulatan Perlembagaan Persekutuan, kebebasan asas manusia, prinsip-prinsip demokrasi dan perundangan di dalam negara kita telah menjadi semakin kritikal hari ini. Ini adalah kerana adanya usaha-usaha yang berterusan untuk memperkecilkan perkara-perkara ini, secara khususnya melalui beberapa polisi pengislaman yang meminggirkan penganut-penganut agama lain dengan berkesannya.

- a. Berdoa agar gereja, masyarakat awam dan rakyat secara umumnya akan memepertahankan Perlembagaan Persekutuan supaya kebebasan asas semua rakyat, terutamanya kebebasan akan terpelihara. Keputusan mahkamah ke atas penggunaan kalimah "Allah" dan kes-kes hak penjagaan anak-anak bersama-sama dengan tindakan yang angkuh oleh beberapa pihak tertentu yang berhubungkait dengan kerajaan ke atas tempat-tempat ibadah orang bukan Islam serta tentang Alkitab dalam beberapa tahun kebelakangan ini merupakan peringatan yang tajam tentang betapa seriusnya dan mendesaknya perkara ini.
- b. Berdoa agar kerajaan ikhlas menjaga prinsip hak kewarganegaraan semua rakyat Malaysia yang pada mulanya diwujudkan untuk menentang pemalsuan latar belakang pelbagai kaum, agama dan budaya.  
Berdoa menentang semua percubaan memperkasakan etnik dan agama di mana jika tidak diperhatikan akan merosakkan dasar negara kita.
- c. Berdoa agar proses dan institusi demokrasi akan bertambah matang dan jika perlu dipergiatkan lagi terutamanya Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Perundangan dan Perkhidmatan Awam.

#### 9. Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Contoh

Gereja di Malaysia mempunyai peluang yang tidak pernah ada sebelum ini dalam generasi kita untuk dipakai oleh Tuhan untuk membawa transformasi yang luarbiasa yang akan membawa berkat kepada semua orang di negara kita.

- a. Berdoa agar Malaysia, dengan kasih karunia Tuhan, akan bertumbuh dalam ekonomi yang maju dan demokrasi yang stabil dan harmoni di mana semua rakyat adalah sama dalam hak kebebasan asas mereka dilindungi oleh Perlembagaan dan satu rangka perundangan yang

melindungi orang yang paling lemah dan yang paling sedikit. Ini akan membuat Malaysia sebagai sebuah negara contoh kepada negara-negara yang lain.

## **KESIMPULAN**

Sebagai orang Kristen dan umat Tuhan di Malaysia, kita hidup, berdoa dan bekerja dengan satu harapan untuk menjadi berkat kepada negara kita!

*“Sebab Aku ini mengetahui rancangan-rancangan apa yang ada pada-Ku mengenai kamu, demikianlah Firman TUHAN, yaitu rancangan damai sejahtera dan bukan rancangan kecelakaan, untuk memberi kepadamu hari depan yang penuh harapan” (Yeremia 29:110)*

Diterbitkan oleh:-

**Pray4Malaysia**

**Untuk Panggilan Doa 247 Untuk Malaysia  
Bertarikh September 16, 2014**